# Wakil-wakil Indonesia di Muktamar al-'Alam al-Islami



*Indonesia telah menghantar tujuh orang wakilnya menghadiri muktamar Al-'Alam Al-Islami yang diadakan di Karachi yang diketuai oleh Tuan Syamsul Rijal (berdiri di tengah-tengah barisan hadapan). Di kiri sekali ialah Al-Ustaz Abdul Kahar Muzakir Mahaguru dan pengurus Universiti Islam di Jogja dan di sebelahnya ialah Kiyai Haji Muhammad Ilyas – kedua-dua beliau ini masa baliknya ke Indonesia telah singgah di Singapura.*



*Rombongan-rombongan Indonesia tatkala di Karachi tidak lupa ziarah kubur Qaat Al-Azim Muhammad Ali Jinnah pengasas negara Pakistan. Mereka itu kelihatan sedang membaca doa di situ. – Gambar-gambar dengan ihsan dari wakil-wakil Muktamar Al-'Alam Al-Islami itu.*



*Universiti Gajah Mada pada penghujung tahun yang lalu telah dijadikan Universiti Kebangsaan Indonesia. yang di hadapan bertanda pangkah ialah Direktor Gajah Mada Profesor Sir Jito dan yang lain-lainnya ialah mahaguru-mahaguru universiti itu tatkala diadakan perayaan ulang tahunnya di Jogja.*



*Pembukaan universiti itu dihadiri oleh wakil Presiden Dr Mohammad Hatta. Duduk di kanan beliau ialah Menteri Pendidikan. Di kirinya Menteri Pekerjaan Umum dan Menteri Kehakiman dan lain-lainnya. – Gambar dipetik daripada lukisan Indonesia.*